



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 16 Jld.5

Tarikh :

13 Mei 2011

Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik/Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi

Seluruh Malaysia

Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 2011
PEMBERITAHUAN SEGERA MENGENAI PEMFAILAN NOTIS RAYUAN DI
MAHKAMAH TINGGI KE MAHKAMAH RAYUAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Daripada pemerhatian saya dan Pendaftar Mahkamah Rayuan, didapati Notis Rayuan yang difailkan di Mahkamah Tinggi seluruh Malaysia pada kebiasaannya dihantar lewat ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan.

3. Kelewatan ini akan memberi kesan kepada pihak Perayu kerana mengikut **kaedah 18(7) Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994**, Rekod Rayuan hendaklah difailkan oleh Perayu dalam tempoh **8 minggu** dari tarikh pemfailan Notis Rayuan dan Mahkamah Rayuan tidak dapat memproses sesuatu rayuan tanpa suatu Notis Rayuan termasuklah untuk memberi nombor pendaftaran rayuan kepada Perayu. Seseorang Perayu itu, hanya boleh menyediakan Rekod Rayuan apabila menerima nombor pendaftaran rayuan sedangkan tempoh 8 minggu yang diberikan adalah berkuat kuasa dari tarikh pemfailan Notis Rayuan di Mahkamah Tinggi. Kelewatan sebegini akan mengakibatkan Perayu mempunyai kurang daripada tempoh 8 minggu bagi menyediakan Rekod Rayuan.

4. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang kesulitan yang timbul, adalah diarahkan supaya Tuan/Puan memastikan Notis Rayuan yang difailkan di mahkamah Tuan/Puan hendaklah dimaklumkan melalui faks ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan pada hari yang sama Notis Rayuan tersebut difailkan.

5. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Salinan kepada:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara Malaysia
Jabatan Peguam Negara
Putrajaya

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi
Kuching

Ketua Bahagian
Bahagian Pendakwaan
Jabatan Peguam Negara Malaysia
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi
Kuching

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Pengarah
Bahagian Pengurusan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua
Bahagian Pentadbiran Kehakiman
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua
Bahagian Teknologi Maklumat
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman Putrajaya
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman Putrajaya
Putrajaya

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
13,15 dan 17 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Sabah Law Association
3rd Floor, 120 Gaya Street,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : (088) 232662 Email : sabahlaw@tm.net.my

Pengerusi
The Advocates' Association of Sarawak
The Bar Room, Kompleks Mahkamah
Jalan Gersik, Petra Jaya
93050 Kuching. Sarawak
Tel : 082-448077
Fax Number : 082-449427
E-mail: aas@sarawak-advocates.org.my